



SIARAN MEDIA

JABATAN SUKARELAWAN MALAYSIA (RELA)

321 PELATIH RELASIS DITAUHIAH PEGAWAI SUKARELAWAN MUDA SEMASA MAJLIS PENTAULIAHAN BRIGED RELA SISWA SISWI (RELASIS) TAHUN 2025

ARAU, 21 September 2025 - Seramai 321 pelatih Briged RELA Siswa Siswi (RELASIS) dari dua puluh (20) pusat pengajian Universiti Awam dan Politeknik seluruh negara telah ditauliahkan oleh YBhg. KPjR Lokman Effendi Ramli, Ketua Pengarah Jabatan Sukarelawan Malaysia (RELA) bertempat di Universiti Malaysia Perlis (UniMAP) Kampus Alam UniMAP, Pauh Putra hari ini.

Semasa ucapan perasmian, beliau menyatakan bahawa RELASIS bukan sekadar pasukan beruniform, malah merupakan platform strategik bagi membangunkan jati diri mahasiswa, menyemai nilai patriotisme serta melahirkan pelapis kepimpinan muda yang berpegang teguh kepada integriti, sebagai ejen perpaduan di dalam masyarakat, serta menyumbang tenaga dan kepakaran masing-masing. Selaras dengan Konsep Malaysia Madani yang menekankan nilai-nilai kemampanan, kesejahteraan, daya cipta, hormat, keyakinan dan ihsan, RELASIS berperanan dalam memberikan khidmat bakti kepada masyarakat, serta saling menghormati.

Sejak tahun 2010, RELASIS menjadi platform membimbing mahasiswa menghayati semangat kesukarelawanan, disiplin, kepimpinan dan patriotisme. Sehingga September 2025, program ini telah mencatatkan lebih 1,870 anggota berdaftar, melibatkan 31 institusi pengajian tinggi awam dan swasta, dengan purata 649 anggota aktif setiap tahun menyertai pelbagai aktiviti komuniti, latihan dan program kemasyarakatan.

Semasa majlis tersebut telah disampaikan Anugerah Pelajar RELASIS Terbaik bagi setiap kategori iaitu:

1. Kategori Keseluruhan Terbaik – Muhammad Faiz bin Mohd Fairuz (Politeknik Banting)
2. Kategori Kepimpinan Terbaik – Muhammad Danish Haikal bin Nor Jamal Efandi (Politeknik Kota Bharu)
3. Kategori Disiplin Terbaik – Ali Imran bin Mohd Yus Jawarry (Politeknik Kota Bharu)
4. Kategori Kawad Terbaik – Muhammad Haris Ikhwan bin Mohd Hafiz (Politeknik Sultan Mizan Zainal Abidin)

Turut diadakan penganugerahan Pangkat Ahli Kehormat Bersekutu RELA (AKBR) RELASIS dan penganugerahan Pingat RELA.

Majlis pentauliahahan ini telah dihadiri oleh YBr. Prof. Dr. Mohd Mustafa Al-Bakri Abdullah, Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni), UniMAP; YBr. Dr. Hj. Mohd. Daud bin Isa, Pengarah Kanan Akademik, Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti (JPPKK); pegawai kanan KDN, RELA dan UniMAP; Komander RELASIS; Adjutan RELASIS; Pegawai Penyelaras serta ibu bapa/ waris pelajar yang menerima tauliah.

JABATAN SUKARELAWAN MALAYSIA (RELA)

Kementerian Dalam Negeri
Putrajaya